



KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8870 4006
Faks : 03- 8889 5490
Emel : ismail@dof.gov.my
Laman Web: <http://www.dof.gov.my>

KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH PERIKANAN
SEMPENA
MAJLIS INTERAKSI
BERSAMA PENTERNAK DAN NELAYAN PULAU KETAM

1. Majlis interaksi di antara Jabatan Perikanan Malaysia bersama penternak serta nelayan Pulau Ketam diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama di antara semua pihak serta mengupas isu-isu berbangkit untuk sama-sama kita selesaikan demi pembangunan industri perikanan Negara.

2. Penternakan akuakultur di Pulau Ketam telah dimulakan secara kecil-kecilan pada tahun 1988 dengan melibatkan 5 orang pengusaha. Projek tersebut terus berkembang dengan pertambahan lebih ramai pengusaha dan bilangan sangkar. Pada tahun 2015, terdapat seramai 52 orang pengusaha di perairan Klang di mana 37 orang darinya merupakan penternak berlesen SKL. Secara keseluruhannya, negeri Selangor berjaya mengeluarkan ikan ternakan sangkar dari spesies kerapu, merah, siakap dan jenahak melebihi 1,800 t.m dengan nilai RM44.5 juta pada tahun 2015.

3. Manakala bagi aktiviti perikanan tangkapan, terdapat seramai 6,496 orang nelayan di seluruh negeri dari 6 daerah utama di Selangor. Sejumlah 4,322 unit vesel adalah berdaftar di mana 49% daripadanya adalah vesel berjentera sangkut, 36% vesel Zon A, 9% vesel Zon B, 4% vesel Zon C dan 3 unit vesel C2.

4. Di Pulau Ketam ini, secara keseluruhannya terdapat seramai 1,074 nelayan. Nelayan Zon A seramai 416 orang di mana 79% daripadanya adalah nelayan sampan. Manakala seramai 658 orang adalah nelayan Zon B dengan bil vesel pukut tunda sebanyak 306 unit.

5. Isu-isu utama yang melanda penternak sangkar adalah seperti pembaharuan lesen Sistem Kultur Laut (SKL) dan Lesen Vesel Sistem Kultur Laut, Kru Asing SKL, Pembaharuan Permit Pekerja Asing dan Kawalan Import Benih Ikan Marin ke Dalam Negara

6. Sementara itu, bagi nelayan di Pulau Ketam pula, isu seperti penghapusan vesel tunda zon B menjelang tahun 2020, Permit Kru Asing, Isu Penggantungan Lesen serta hal ehwal penguatkuasaan di sempadan negara antara isu-isu yang dikenalpasti. Hal ini kerana terdapat vesel yang menangkap ikan di perairan Malaysia ditahan oleh pihak Indonesia. Malaysia dan Indonesia telah ada MOU berhubung pengendalian kes vesel-vesel nelayan yang menangkap ikan di sempadan antara kedua-dua Negara. Selain itu, Malaysia memperkukuh kerjasama secara NBOS di antara agensi penguatkuasaan APMM, Polis Marin dan Jabatan Perikanan sebagai '*Lead Agency*' khususnya melibatkan isu-isu perikanan

Zon A seperti pencerobohan vesel tempatan dan penggunaan peralatan destruktif.

7. Justeru, pada hari ini kita akan membincangkan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh para penternak dan nelayan Pulau Ketam seterusnya mencadangkan penyelesaian masalah serta 'way forward' bagi pembangunan industri perikanan di Pulau Ketam ini.

8. Sementara itu, pada masa ini, negara kita sedang mengalami fenomena El-Nino. Fenomena ini memberi kesan terhadap kedua-dua sub sektor perikanan tangkapan dan akuakultur. Peningkatan suhu laut sebanyak 1 hingga 2 °C memberi impak kepada stok ikan seperti habitat ikan pelagik yang akan berpindah keluar dari perairan negara disebabkan oleh kandungan makanan seperti plankton yang berkurangan. Ini akan mengakibatkan penurunan kepada pendaratan ikan pelagik lebih kurang 30% dari jumlah pendaratan ikan negara. Bagi ternakan akuakultur pula, peningkatan suhu menyebabkan penurunan kandungan oksigen terlarut, memberi tekanan serta kesan negatif terhadap ternakan yang menyebabkan kematian ikan dan kejadian penyakit.

9. Kesan El-Nino ini menyebabkan penternak akuakultur mengalami kerugian ratusan ribu ringgit seperti kejadian kematian ikan dalam sangkar air tawar.

10. Jabatan Perikanan telah menyarankan langkah-langkah bagi menangani impak El-Nino terhadap industri perikanan. Bagi tindakan segera, penternak akuakultur digalakkan untuk

mengurangkan kadar tebaran benih dan kadar pemberian makanan serta menuai ikan yang telah mencapai saiz pasaran. Seterusnya, operasi ternakan perlu ditangguhkan ketika berlakunya fenomena El-Nino ini. Untuk jangka panjang, penggunaan sistem air kitar semula yang meminimakan penggunaan air di dalam sistem yang terkawal adalah digalakkan. Selain itu, *Integrated Multi Trophic Aquaculture* (IMTA) akan dilaksanakan melibatkan ternakan akuakultur dari spesies berbeza. Kajian pembangunan baka yang mempunyai daya tahan kepada perubahan cuaca akan diteruskan dengan mengurangkan kebergantungan kepada induk liar. Pemantauan impak El-Nino dibuat secara berterusan melibatkan perubahan kualiti air, perubahan iklim ke atas ekosistem dan plankton bagi akuakultur marin dan air tawar.

11. Bagi sub sektor perikanan tangkapan pula, langkah menangani kesan El-Nino diambil dengan menghentikan eksport ikan rakyat seperti ikan kembong, selayang, selar, cencaru dan pelaling serta menyediakan stok penimbal ikan rakyat untuk bekalan selama 6 bulan. Hasil tangkapan ikan pelagik dari Pantai Barat akan dibekalkan untuk pasaran di Pantai Timur dan untuk jangka panjang, teknologi remote sensing akan digunakan bagi penentuan lokasi ikan bagi meningkatkan pengeluaran ikan.

= Tamat =

DATUK ISMAIL BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

22 Mac 2016